



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## ANUGERAH PENILAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KEBERSIHAN ANTARA PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2012

**KUALA LUMPUR, 21 Februari 2013 –** YB Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin hari ini menyampaikan anugerah kepada para pemenang program Penilaian KPI Kebersihan Antara Kawasan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Tahun 2012 di Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak. Beliau turut menyampaikan sumbangan wang tunai sebanyak RM5000.00 kepada 271 persatuan penduduk perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai tanda penghargaan dari Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar dalam mengambil kira kepentingan dan peranan persatuan penduduk yang aktif dalam aktiviti-aktiviti kea rah kesejahteraan penduduk.

Penilaian KPI Kebersihan Antara Kawasan Perumahan DBKL merupakan satu program yang dirangka bagi tujuan meningkatkan penghayatan serta amalan gaya hidup bersih di kalangan warga WP Kuala Lumpur. Ia juga bermatlamat supaya usaha pembudayaan kebersihan di setiap kawasan perumahan DBKL dapat dilaksanakan dengan lebih realistik dan sistematik kerana ia memberi kesan jangka panjang dari segi kebersihan persekitaran, seni taman, keindahan dan kreativiti sekaligus menjadi asas kepada penetapan satu standard kebersihan yang kekal untuk diikuti sepanjang masa.

Sumbangan modal sebanyak **RM2,000.00** telah diberikan kepada **69 persatuan penduduk kawasan perumahan** yang terlibat pada Julai 2012 bagi membantu menampung kos aktiviti pembersihan dan pengindahan kawasan perumahan masing –

masing. **Sesi penilaian** yang melibatkan semua kawasan perumahan tersebut telah dilaksanakan bermula **15 Oktober 2012** hingga **30 November 2012** melalui beberapa siri kunjungan oleh pasukan panel penilai yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), KWPKB, DBKL, Perbadanan Putrajaya (PPJ), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Penilaian dibuat berdasarkan tiga (3) elemen utama iaitu **Bersih, Indah dan Sejahtera** seperti di Lampiran. Markah yang diperolehi bagi setiap 69 kawasan terlibat dibentangkan semula oleh urus setia untuk pemerhatian dan seterusnya pengesahan setiap panel penilai kepada Jawatankuasa Khas. Bagi tujuan penetapan juara keseluruhan, sebuah jawatankuasa khas penilai telah ditubuhkan yang terdiri daripada wakil-wakil KP KT, KWPKB, DBKL, PPJ, UUM dan UKM. Jawatankuasa Khas ini telah mengadakan sesi lawatan semula pada **7 dan 10 Januari 2013** untuk mengesah dan memuktamadkan markah keseluruhan. Daripada keputusan pemarkahan yang dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Khas, pihak kementerian mengiktiraf 27 kawasan perumahan yang telah berjaya memenuhi kriteria KPI kebersihan untuk tahun 2012. Satu daripada 27 kawasan perumahan tersebut dinobatkan selaku **juara keseluruhan** manakala satu lagi kawasan perumahan diiktiraf sebagai **pemenang anugerah khas**. Maklumat lanjut keputusan adalah seperti di Lampiran.

Pelaksanaan program ini diharapkan dapat meningkatkan kecintaan warga Kuala Lumpur kepada kebersihan dan keindahan serta mengadaptasikan kreativiti mereka bagi menceriakan lagi kawasan perumahan sekali gus meningkatkan keindahan pemandangan Wilayah Kuala Lumpur tercinta. Berdasarkan sambutan yang amat menggalakkan daripada persatuan penduduk dan semangat kerjasama yang ditunjukkan, pihak KWPKB berhasrat untuk meneruskan pelaksanaan program ini pada tahun-tahun hadapan.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

21 Februari 2013  
KUALA LUMPUR

**LAMPIRAN****KEPUTUSAN PENUH PENILAIAN KPI KEBERSIHAN ANTARA KAWASAN PERUMAHAN DBKL TAHUN 2012**

BIL	NAMA KAWASAN	KATEGORI	INSENTIF
1	PA Seri Perak	Anugerah Utama <b>RM50,000.00</b>	RM20,000.00 berserta tambahan RM30,000.00
2	PPR Seri Alam Fasa 1	Anugerah Khas <b>RM30,000.00</b>	RM20,000.00 berserta insentif khas RM10,000.00
3	PA Seri Kota	Anugerah KPI Kebersihan	Setiap Kawasan Menerima RM20,000.00
4	PPR Kg. Baru Air Panas	Anugerah KPI Kebersihan	
5	PA Wangsa Maju R10	Anugerah KPI Kebersihan	
6	PPR Perkasa	Anugerah KPI Kebersihan	
7	PA Seri Tioman 1	Anugerah KPI Kebersihan	
8	PA Seri Perlis 2	Anugerah KPI Kebersihan	
9	PPR Desa Tun Razak	Anugerah KPI Kebersihan	
10	PA Seri Johor 4C	Anugerah KPI Kebersihan	
11	PPR Seri Alam Fasa 2	Anugerah KPI Kebersihan	
12	PPR Wahyu	Anugerah KPI Kebersihan	
13	PA Seri Pangkor 1	Anugerah KPI Kebersihan	
14	Apartmen Desa Tasik Fasa 6B	Anugerah KPI Kebersihan	
15	PPR Desa Petaling	Anugerah KPI Kebersihan	
16	PPR Raya Permai	Anugerah KPI Kebersihan	
17	PPR Kg. Limau	Anugerah KPI Kebersihan	
18	PA Seri Melaka	Anugerah KPI Kebersihan	
19	PPR Pudu Ulu	Anugerah KPI Kebersihan	
20	PPR Hiliran Ampang Blok A	Anugerah KPI Kebersihan	
21	PPR Kerinchi	Anugerah KPI Kebersihan	
22	PPR Batu Muda	Anugerah KPI Kebersihan	
23	PPR Wangsa Sari	Anugerah KPI Kebersihan	
24	PPR Kg. Muhibbah A,B,C,D	Anugerah KPI Kebersihan	
25	PPR Laksamana	Anugerah KPI Kebersihan	
26	PA Seri Labuan	Anugerah KPI Kebersihan	
27	PA Setapak Jaya 1A	Anugerah KPI Kebersihan	

## LAMPIRAN

### KRITERIA PENILAIAN KPI KEBERSIHAN ANTARA KAWASAN PERUMAHAN AWAM DBKL TAHUN 2012

#### A) BERSIH

##### A1- KAWASAN UNIT

- a) Pintu/grill hendaklah sentiasa bersih dan dilap
- b) Tingkap/grill/bar hendaklah diperiksa dan diselenggara secara berkala
- c) Dinding fasad depan – sentiasa bersih
- d) Dinding belakang/balkoni/awning hendaklah sentiasa bersih, tiada sampah atas awning

##### A2- KAWASAN BLOK

- a) Koridor – barang pemilik dalam keadaan bersih dan tersusun
- b) Tangga setiap tingkap dan susur tangan hendaklah sentiasa bersih dan tiada barang pemilik/penyewa berada di ruang tangga
- c) Ruang lif dan lobi lif:
  - Lif sentiasa bersih/selamat dan selesa
  - Tiada barang pemilik/penyewa
  - Lobi sentiasa bersih
- d) Ruang peti surat – ruang peti surat dalam keadaan bersih dan teratur
- e) Bilik meter TNB (setiap tingkat) – bilik dalam keadaan bersih, kemas dan teratur
- f) Bilik riser telekom (setiap tingkat) – bilik dalam keadaan bersih dan teratur
- g) Alat bantu mula BOMBA – alat sentiasa bersih, dan tiada barang yang mengganggu

##### A3- KAWASAN BERSAMA

- a) Jalan/bahu jalan – sentiasa bersih, rumput diselenggara secara berkala
- b) Lorong pejalan kaki – sentiasa bersih
- c) Longkang kawasan – sentiasa bersih dan diselenggara secara berkala
- d) Longkang blok – sentiasa bersih dan diselenggara dengan baik

##### A4- KEMUDAHAN PERUMAHAN

- a) Padang – sentiasa bersih dan rumput diselenggara secara berkala
- b) Padang permainan kanak-kanak sentiasa bersih rumput diselenggara secara berkala dan bebas iklan haram
- c) Ruang sampah (kawasan sekitar) tidak berbau busuk, diselenggara secara berkala, sentiasa bersih dan bebas iklan haram
- d) Tiang lampu – sentiasa bersih dan bebas iklan haram
- e) Papan kenyataan – sentiasa bersih dan bebas iklan haram
- f) Surau – sentiasa bersih, diselenggara secara berkala dan bebas daripada iklan haram

- g) Dewan – sentiasa bersih, diselenggara secara berkala dan bebas daripada iklan haram
- h) Taska/KEMAS/Pusat Bimbingan – sentiasa bersih dan diselenggara secara berkala

## **B) INDAH**

### **B1- KAWASAN UNIT**

- a) Kreativiti – ada lampu hiasan dan hiasan tambahan lain yang tidak mencacatkan penglihatan
- b) Balkoni – pastikan tiada jemuran di balkoni

### **B2- KAWASAN BLOK**

- a) Susun atur – berada di ruang yang dibenarkan dan ada unsur keseragaman
- b) Kreativiti – perindahkan entry statement di pintu masuk utama, terdapat lampu hiasan dan mengadakan program pengindahan termasuk mengecat semula, hiasan dan lain-lain semasa festival dan perayaan
- c) Penyelenggaraan (mengekalkan keindahan sedia ada melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan dan penduduk) – memastikan tiada tampalan/contagen/vandalisme dan aksesori berada dalam keadaan baik

### **B3- KAWASAN BERSAMA**

- a) Susun atur – komponen ruang luaran yang tersusun
- b) Lanskap – trimming pruning dan membaca secara berjadual, kemasan lantai, dinding, bumbung dan tempat duduk diselenggara dan dalam keadaan baik dan kemas
- c) Kreativiti – hiasan menarik di pintu masuk dan mempunyai program pengindahan
- d) Inovasi hijau (*green innovation*) – penyediaan *sculpture*
- e) Penyelenggaraan (mengekalkan keindahan sedia ada melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan dan penduduk) –tiada vandalisme/penandaan yang jelas dan keadaan LTK berbumbung yang seragam

## **C) SEJAHTERA**

### **C1- KAWASAN BERSAMA**

- a) Koridor – tiada longgokan sampah dan tiada jemuran
- b) Lif dan lobi lif – terdapat paparan maklumat dalam lif
- c) Tangga – tiada objek yang menghalang
- d) Jalan dan longkang – tiada paparan iklan haram dan objek yang menghalang
- e) Kawasan lapang / taman permainan – suasana dan persekitaran yang kondusif
- f) Pili bomba dan alat pemadam api – alat boleh digunakan pada bila-bila masa

- g) Tempat letak kereta / motosikal – tiada kenderaan terbiar dan tiada objek di dalam petak
- h) Kolong – persekitaran kolong dalam keadaan bersih
- i) Laluan pejalan kaki – tiada objek yang menghalang

#### C2- KEMUDAHAN PERUMAHAN

- a) Surau – peralatan dan kelengkapan berada dalam keadaan baik dan kemas
- b) Kedai/gerai/surau – terdapat paparan harga barang
- c) Gelanggang sukan – penggunaan aktiviti yang maksimum
- d) Rumah sampah – penggunaan plastik yang teratur
- e) Taman, landskap dan rekreasi – padang dan rumput dalam keadaan bersih dan diselenggara dengan baik
- f) Pejabat persatuan/NGO – pejabat persatuan dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan pejabat
- g) Kemudahan-kemudahan lain – mempunyai taska, dewan orang ramai, perpustakaan, pusat jagaan orang tua dan rumah simpan mayat

#### C3- AKTIVITI KEMASYARAKATAN

- a) Kebersihan dan kesihatan – kekerapan mengadakan aktiviti – contohnya : gotong-royong / program COMBI
- b) Kerohanian – kekerapan mengadakan aktiviti
- c) Keselamatan – mempunyai jadual rondaan dan mengadakan program dan aktiviti bersama penduduk
- d) Kebudayaan / kesenian – ada penubuhan jawatankuasa dan mengadakan aktiviti bersama penduduk
- e) Sukan dan rekreasi – ada penubuhan jawatankuasa dan mengadakan aktiviti bersama penduduk
- f) Kesedaran, patriotisme dan jati diri – kekerapan mengadakan aktiviti
- g) Penubuhan persatuan/NGO – mengadakan mesyuarat AGM dan memiliki akaun persatuan yang diselia mengikut prosedur dan syarat ROS